



28 Januari 2016  
28 January 2016  
P.U. (A) 17

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2016

### *FARMERS' ORGANIZATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

### PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*], Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 29 Januari 2016.

#### **Pindaan peraturan 32**

2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 [P.U. (A) 303/1983], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 32—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada subperaturan (6), Wakil-wakil Unit daripada mana-mana unit ahli suatu Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah seperti yang berikut:

(a) dua orang Wakil-wakil Unit bagi lima puluh orang ahli yang pertama; dan

(b) dua orang Wakil-wakil Unit bagi setiap lima puluh orang ahli yang berikutnya, atau bagi setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada lima puluh orang ahli.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Wakil-wakil Unit sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah termasuk Pengerusi Jawatankuasa Unit bagi setiap unit ahli suatu Pertubuhan Peladang Kawasan.

(1B) Bagi maksud subperaturan (1), Wakil-wakil Unit daripada mana-mana unit ahli suatu koperasi berasaskan pertanian hendaklah terdiri daripada empat orang ahli sahaja.”;

(c) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada subperaturan (2A), Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit ahli Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah seperti yang berikut:

(a) bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan ahlinya melebihi seribu orang—

(i) lima orang Wakil-wakil Kawasan bagi seribu orang ahli pertama; dan

(ii) seorang Wakil Kawasan bagi setiap seribu orang ahli yang berikutnya, atau bagi setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada seribu orang; atau

(b) bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan ahlinya kurang daripada seribu orang, lima orang Wakil-wakil Kawasan.”;

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Wakil-wakil Kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2) hendaklah—

(a) termasuk Pengurus Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan; dan

(b) tidak melebihi sebelas orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan.

(2B) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), bilangan Wakil-wakil Unit atau Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit ahli di negeri Sarawak hendaklah ditentukan oleh Pendaftar.”;

(e) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Tertakluk kepada subperaturan (3A), Wakil-wakil Negeri untuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan hendaklah seperti yang berikut:

(a) bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan ahlinya melebihi lima ribu orang—

(i) lima orang Wakil-wakil Negeri bagi lima ribu orang ahli pertama; dan

(ii) dua orang Wakil-wakil Negeri bagi setiap lima ribu orang ahli yang berikutnya, atau bagi setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada lima ribu orang; atau

- (b) bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan ahlinya kurang daripada lima ribu orang, lima orang Wakil-wakil Negeri.”;
- (f) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:
- “(3A) Wakil-wakil Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (3) hendaklah—
- (a) termasuk Pengurus Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan
- (b) tidak melebihi lima puluh satu orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri.”; dan
- (g) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:
- “(4) Bagi maksud subperaturan (1), (2) dan (3), penentuan bilangan ahli yang layak di bawah peraturan 26 untuk menentukan bilangan Wakil-wakil Unit, Wakil-wakil Kawasan, atau Wakil-wakil Negeri, adalah sebelum 30 April bagi tahun suatu pemilihan hendak diadakan.”.